

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 39

### AKTA PEWARISAN (PERUNTUKAN KELUARGA) 1971

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHKAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
**2006**

2

## **AKTA PEWARISAN (PERUNTUKAN KELUARGA) 1971**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... 30 Ogos 1971

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... 2 September 1971

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... ... ... 1993

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... ... ... 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 39**

#### **AKTA PEWARISAN (PERUNTUKAN KELUARGA) 1971**






##### **SUSUNAN SEKSYEN**

###### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembayaran daripada harta pusaka bersih
4. Tempoh yang dalamnya permohonan mesti dibuat
5. Kesan dan bentuk perintah
6. Pengubahan perintah



039b.fm Page 4 Tuesday, March 28, 2006 8:46 AM



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 39**

#### **AKTA PEWARISAN (PERUNTUKAN KELUARGA) 1971**

Suatu Akta bagi meminda undang-undang berhubung dengan pemindahan harta pusaka si mati dan bagi maksud lain yang berkenaan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—1 Januari 1973,  
P.U.(B)509/1972*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pewarisan (Peruntukan Keluarga) 1971 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, yang tidak boleh lebih awal daripada tarikh pemberitahuan itu disiarkan.

(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia tetapi tidak boleh dipakai bagi harta pusaka orang Islam yang telah mati atau anak negeri mana-mana Negeri di Sabah dan Sarawak yang mati.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak lelaki” dan “anak perempuan” masing-masing termasuklah seorang kanak-kanak lelaki atau kanak-kanak perempuan yang diambil menjadi anak angkat oleh si mati di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan



anak angkat yang berkuat kuasa pada masa itu dan juga anak lelaki atau anak perempuan si mati yang masih dalam kandungan pada tarikh kematian si mati;

“duti kematian” ertinya duti harta pusaka dan apa-apa duti lain yang boleh dilevi atau dibayar atas kematian;

“harta pusaka bersih” ertinya segala harta yang seseorang si mati berkuasa melupuskannya dengan wasiat (selain dengan suatu kuasa khas pelantikan) selepas ditolak jumlah belanja kematian, belanja wasiat dan pentadbiran pusaka, hutang dan tanggungan dan duti harta pusaka yang kena dibayar daripada harta pusakanya apabila dia mati;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab atas pentadbiran harta pusaka;

“pendapatan tahunan” berhubung dengan harta pusaka bersih seseorang si mati, ertinya pendapatan yang dijangka pada tarikh perintah akan diperoleh daripada harta pusaka bersih itu dalam sesuatu tahun apabila diperhasilkan;

“wasiat” termasuklah kodisil.

### Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembayaran daripada harta pusaka bersih

3. (1) Jika, selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, seseorang yang berdomisil di Malaysia mati dengan meninggalkan—

- (a) isteri atau suami;
- (b) anak perempuan yang belum berkahwin, atau yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya otak atau tubuh badan, tidak berupaya menanggung nafkah dirinya sendiri;
- (c) anak lelaki yang masih kecil; atau
- (d) anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya otak atau tubuh badan, tidak berupaya menanggung nafkah dirinya sendiri,

jika atas permohonan oleh atau bagi pihak isteri, suami, anak perempuan atau anak lelaki yang tersebut di atas (dalam Akta ini disebut “orang tanggungan” si mati) Mahkamah berpendapat bahawa pemindahan harta pusaka si mati yang dilakukan menurut

*Pewarisan (Peruntukan Keluarga)*

7

wasiatnya, atau menurut undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat, atau menurut wasiat si mati serta undang-undang itu, tidak mungkin boleh mengadakan suatu peruntukan yang munasabah untuk nafkah orang tanggungan itu, Mahkamah boleh memerintahkan supaya sesuatu peruntukan yang munasabah sebagaimana yang difikirkan patut olehnya diadakan daripada harta pusaka bersih si mati itu untuk nafkah orang tanggungan itu tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan, jika ada, sebagaimana dikenakan oleh Mahkamah:

Dengan syarat bahawa permohonan tidak boleh dibuat kepada Mahkamah oleh atau bagi pihak mana-mana orang jika pemindahan harta pusaka si mati sebagaimana yang disebut terdahulu mengehakkan suami atau isteri yang masih hidup itu mendapat tidak kurang daripada dua pertiga daripada pendapatan harta pusaka bersih itu dan jika orang tanggungan yang lain, jika ada, hanyalah anak kepada suami atau isteri yang masih hidup itu.

(2) Peruntukan nafkah yang akan dibuat dengan suatu perintah, tertakluk kepada peruntukan subseksyen (4), hendaklah dibuat dengan cara bayaran berkala pendapatan dan perintah itu hendaklah membuat peruntukan supaya bayaran itu diberhentikan tidak lewat daripada—

- (a) mengenai seseorang isteri atau suami, tarikh dia berkahwin semula;
- (b) mengenai seseorang anak perempuan yang belum berkahwin, atau yang hilang upaya, tarikh dia berkahwin atau tarikh hilang upayanya berhenti, mengikut mana-mana tarikh yang lebih kemudian;
- (c) mengenai anak lelaki kecil, tarikh dia mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (d) mengenai anak lelaki yang hilang upaya, tarikh hilang upayanya berhenti,

atau, mengenai mana-mana orang itu, tarikh dia mati.

(3) Banyaknya pendapatan tahunan yang boleh ditetapkan oleh suatu perintah yang akan dikuatkuasakan pada bila-bila satu masa untuk nafkah orang tanggungan si mati hendaklah sebanyak yang tidak boleh, walau bagaimanapun, menjadikan orang tanggungan itu berhak, di bawah wasiat si mati atau di bawah undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat atau di

bawah wasiat si mati serta undang-undang itu sebagaimana yang diubah oleh perintah itu, mendapat nafkah yang lebih daripada pecahan yang berikut daripada pendapatan tahunan harta pusaka bersih si mati, iaitu—

- (a) jika si mati ada meninggalkan isteri atau suami dan seorang atau beberapa orang tanggungan, dua pertiga; atau
- (b) jika si mati tidak meninggalkan isteri atau suami, atau ada meninggalkan isteri atau suami dan tiada orang tanggungan yang lain, setengah.

(4) Jika nilai harta pusaka bersih si mati tidak lebih daripada empat puluh ribu ringgit, Mahkamah berkuasa membuat suatu perintah bagi mengadakan peruntukan nafkah sama ada sepenuh atau sebahagiannya, dengan cara bayaran pukal.

(5) Bagi menentukan sama ada, dan bagaimana dan dari tarikh bila peruntukan nafkah patut dibuat oleh sesuatu perintah, Mahkamah hendaklah memberi pertimbangan tentang jenis harta yang merupakan harta pusaka bersih si mati dan Mahkamah tidak boleh memerintahkan supaya dibuat sesuatu peruntukan yang penghasilan peruntukan itu mungkin tidak mencukupi di masa akan datang memandang kepada kepentingan orang tanggungan si mati dan kepentingan orang yang, jika tidak kerana perintah itu, akan berhak terhadap harta itu.

(6) Mahkamah hendaklah, apabila sesuatu permohonan dibuat di bawah Akta ini, memberi pertimbangan tentang apa-apa modal atau pendapatan masa dahulu, sekarang atau masa akan datang daripada mana-mana punca bagi orang tanggungan si mati yang dimaksudkan oleh permohonan itu, tentang kelakuan orang tanggungan itu terhadap si mati dan selainnya, dan tentang apa-apa hal atau perkara lain yang difikirkan berkaitan atau material oleh Mahkamah berhubung dengan orang tanggungan itu, memandang kepada hal keadaan kes itu tentang orang yang mempunyai kepentingan atas harta pusaka si mati atau lain-lain.

(7) Mahkamah hendaklah juga, apabila sesuatu permohonan itu dibuat, memberi pertimbangan tentang sebab-sebab, setakat yang boleh dipastikan, mengapa si mati telah membuat pemindahan harta dengan wasiatnya (jika ada), atau mengapa si mati tidak membuat apa-apa peruntukan atau apa-apa peruntukan lanjut, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk seseorang tanggungan, dan Mahkamah boleh menerima apa-apa keterangan

yang difikirkannya cukup mengenai sebab-sebab itu, termasuk apa-apa pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh si mati dan ditarikhkan, supaya apabila menaksir kepentingan, jika ada, yang akan diberikan kepada pernyataan itu Mahkamah akan memberi pertimbangan tentang segala hal keadaan yang boleh memberi kesimpulan yang munasabah tentang tepat atau tidaknya pernyataan itu.

(8) Mahkamah, apabila menimbangkan bagi maksud subseksyen (1) sama ada pemindahan harta pusaka si mati yang dilakukan menurut undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat, atau menurut wasiat si mati serta undang-undang itu, membuat peruntukan yang munasabah untuk nafkah orang tanggungan, tidaklah terikat untuk menganggap bahawa undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat membuat peruntukan yang munasabah dalam semua pemindahan harta.

### **Tempoh yang dalamnya permohonan mesti dibuat**

4. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh peruntukan yang berikut dalam seksyen ini atau dalam seksyen 6, sesuatu perintah di bawah Akta ini tidak boleh dibuat melainkan jika permohonan dibuat dalam masa enam bulan dari tarikh perwakilan mengenai harta pusaka si mati itu mula-mula diambil.

(2) Jika dibuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa had tempoh enam bulan yang tersebut itu mungkin menyebabkan ketidaksaksamaan—

- (a) oleh sebab didapati sesuatu wasiat melibatkan perubahan matan tentang pemindahan harta pusaka si mati (sama ada melibatkan pemberian perwakilan selanjutnya atau tidak); atau
- (b) oleh sebab sesuatu soal sama ada seseorang mempunyai kepentingan atas harta pusaka itu, atau tentang jenis sesuatu kepentingan atas harta pusaka itu, yang belum ditentukan pada masa perwakilan itu mula-mula diambil; atau
- (c) oleh sebab sesuatu hal keadaan lain yang menyentuh pentadbiran atau pembahagian harta pusaka itu,

Mahkamah boleh melanjutkan tempoh itu.

(3) Peruntukan Akta ini tidak boleh menyebabkan wakil-wakil diri si mati bertanggungjawab di sisi undang-undang kerana membahagikan mana-mana bahagian daripada harta pusaka si mati selepas habis tempoh enam bulan yang tersebut atas alasan bahawa mereka sepatutnya mengambil kira kemungkinan Mahkamah menjalankan kuasanya untuk melanjutkan tempoh itu, tetapi subseksyen ini hendaklah dipakai tanpa menjejas apa-apa kuasa untuk mendapatkan balik mana-mana bahagian daripada harta pusaka yang telah dibahagikan sedemikian berikut dengan pembuatan perintah di bawah Akta ini.

(4) Bagi maksud seksyen 30 dan seksyen 45 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [*Akta 97*], seseorang orang tanggungan si mati yang permohonan dicadang hendak dibuat olehnya atau bagi pihaknya di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai seorang yang mempunyai kepentingan atas harta pusaka si mati.

### **Kesan dan bentuk perintah**

5. (1) Jika sesuatu perintah dibuat di bawah Akta ini bagi segala maksud, termasuk bagi maksud undang-undang yang berhubungan dengan duti kematian, wasiat atau undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat, hendaklah berkuat kuasa, dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tarikh kematian si mati, tertakluk kepada apa-apa perubahan yang dinyatakan dalam perintah itu bagi maksud melaksanakan peruntukan nafkah yang dibuat oleh perintah itu.

(2) Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan yang berbangkit sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud menguatkuasakan sesuatu perintah yang dibuat di bawah Akta ini, tetapi tiada bahagian yang lebih besar daripada harta pusaka bersih boleh dikhaskan atau diuntukkan bagi mematuhi, daripada pendapatan harta pusaka itu, peruntukan nafkah yang dibuat oleh perintah itu, daripada bahagian yang pada tarikh perintah itu cukup untuk mendapatkan daripada pendapatan harta pusaka itu jumlah peruntukan tersebut.

(3) Salinan setiap perintah bagi pejabat yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dihantar ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi untuk dicatatkan dan difailkan, dan suatu memorandum mengenai perintah itu hendaklah dicatatkan atau dilampirkan dengan kekal pada probet atau surat kuasa mentadbir yang menurutnya harta pusaka itu ditadbirkan.

**Pengubahan perintah**

6. (1) Apabila sesuatu permohonan dibuat pada suatu tarikh selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 4(1) atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas habis tempoh yang dilanjutkan di bawah subseksyen 4(2), Mahkamah boleh membuat sesuatu perintah sebagaimana yang disebut kemudian daripada ini, tetapi hanya berkenaan dengan harta yang pendapatannya pada tarikh itu boleh digunakan untuk nafkah orang tanggungan si mati, iaitu—

- (a) suatu perintah bagi mengubah sesuatu perintah yang dahulu atas alasan bahawa sesuatu kenyataan material telah tidak dinyatakan kepada Mahkamah apabila perintah itu dibuat atau bahawa sesuatu perubahan material telah berlaku tentang hal keadaan orang tanggungan itu atau tentang hal keadaan seseorang yang berhak mendapat faedah daripada harta itu menurut wasiat itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat; atau
- (b) suatu perintah bagi mengadakan peruntukan nafkah bagi seseorang tanggungan si mati yang lain.

(2) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah untuk suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) boleh dibuat oleh atau bagi pihak seseorang tanggungan si mati atau oleh pemegang amanah harta itu atau oleh atau bagi pihak seseorang yang berhak mendapat faedah daripada harta itu menurut wasiat itu atau, menurut undang-undang yang berhubungan dengan kematian tidak berwasiat.

12

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 39**

#### **AKTA PEWARISAN (PERUNTUKAN KELUARGA) 1971**

##### **SENARAI PINDAAN**

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari

— TIADA —

---

##### **SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari

— TIADA —

---

